

Perkembangan Sains, Hukum, Teknologi dan Ekonomi di Dunia Islam

Siti Faraiza Sanip, Halimahtun Saadiah Abu Bakar, & Siti Suhaila Ihwani

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Suggested Citation:

Sundaram, Bhavithra Mohana; Seleman, Nor Sabirrah; & Jasmi, Kamarul Azmi (2018). Integrasi Perkembangan Sains, Hukum, Teknologi dan Ekonomi di Dunia Islam in *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018* pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 83-94. ISBN: 978-967-2171-28-7.

Abstract

Warisan peradaban yang hadir oleh dunia Islam, memberikan sumbangan yang cukup besar bagi kepentingan peradaban dunia secara umum. Kejayaan Islam mengembangkan sains, hukum, seni, teknologi dan ekonomi di dunia Islam sehingga warisan peradaban dapat diwarisi sehingga kini perlu dikaji dengan lebih mendalam. Perutusan dari Allah SWT ini mencambahkan pelbagai kemajuan dalam sistem peradaban manusia dimana manusia dapat hidup dengan lebih bersistem dan bertamadun. Kertas kerja ini membincangkan tentang perkembangan sains, teknologi, hukum dan ekonomi di dunia Islam. Kata kunci: sains, teknologi, ekonomi, hukum

References

- Ahmad, K. 1985. Al-Tanmiyah al-iqtisodiyah fi ithorin islamiyyin. In *Abbas al-Iqtisod al-Islami*. TTP: TP.
- Al-Buti, S. i. R. 1982. *Dawabi' al-Maslaha fi al-Islam*. TTP: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Fâsi, a.-S. A. 1971. *al-Islâm wa mutatollabât al-tanmiyah fi mujtama' al-yaum*. TP: TTP.
- Awang, A. H. 2007. *Aqidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika / PTS Publications & Distributors.
- Awang, R. 2012. *Aqidah dalam Kehidupan Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Danusiri, D. (2015) Islam: Membentuk Sains dan Teknologi. *Jurnal Theologia*, 26, 31.
- Dictionary, O. 1998. *Oxford Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Din, D. D. H. 2013. *Hukum Hudud Dalam Perundangan Islam*. TTP: PSN Publication.
- Fakri, J. (2010) Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib*, XV.
- Hasan, S. K. 1993. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, A. A. 2008. *Beberapa Aspek Sains dan Teknologi dalam Islam*. UiTM, Shah Alam: Penerbitan Universiti (UPENA).
- Ismail, A. M. & K. A. Jasmi. 2016. *Aqidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, K. A. 2002. Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. In *Civilization Studies, Faculty of Art*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- . 2012. Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial. In *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1-11. Puteri Resort Melaka: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- . 2016a. Al-Quran. In *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, ed. K. A. Jasmi, 134-135. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- . 2016b. Ilmu. In *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, ed. A. K. Jasmi. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- . 2016c. Pendidikan sebagai Medium Penerapan Islam dalam Sains dan Teknologi. In *Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16)*. Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor: Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia.
- . 2017. Remaja dan Kehidupan Berbasaran dalam Beragama. In *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*, ed. K. A. Jasmi, 15-34. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- (2018a) Kakekter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4, 1-22.
- . 2018b. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, K. A. & A. H. Tamuri. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Penerbit UTM.
- Nor Aini, H. I. e. a. 1996. *Wanita Malaysia Dalam Era Pembangunan Industri*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: TP.
- Nor, M., F. Aiman, M. Syahmi & K. A. Jasmi. 2012. *Islam di Dunia Kontemporari Baru*. Seminar Tamadun.
- Othman, S. N., A. S. Walter & K. A. Jasmi. 2012. Zaman Kegemilangan Islam. In *Seminar Tamadun 2012*, 333-348. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ridzuan, A., M. F. Mior, S. A. Aziz, S. M. Khairudeen & K. A. Jasmi. 2012. Islam Sebagai Satu Agama. In *Seminar Tamadun 2012*, 163-173. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

- Saniman, M. A., T. H. Xuan & K. A. Jasmi. 2012. Peringkat Permulaan Islam. In *Seminar Tamadun 2012*, 283-298. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharif, M., S. Aspalaili, L. I. Wei & K. A. Jasmi. 2012. Sejarah Ringkas Islam. In *Seminar Tamadun 2012*, 229-246. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ziauddin, S. 1981. *Sains, Teknologi dan Pembangunan Didunia Islam*. Kuala Lumpur: Syarikat Dian sdn.Bhd.

7

PERKEMBANGAN SAINS, HUKUM, TEKNOLOGI DAN EKONOMI DI DUNIA ISLAM

Siti Faraiza Sanip
Halimahtun Saadiah Abu Bakar
Siti Suhaila Ihwani

Abstrak

Warisan peradaban yang hadir oleh dunia Islam, memberikan sumbangan yang cukup besar bagi kepentingan peradaban dunia secara umum. Kejayaan Islam mengembangkan sains, hukum, seni, teknologi dan ekonomi di dunia Islam sehingga warisan peradaban dapat diwarisi sehingga kini perlu dikaji dengan lebih mendalam. Perutusan dari Allah SWT ini mencambahkan pelbagai kemajuan dalam sistem peradaban manusia dimana manusia dapat hidup dengan lebih bersistem dan bertamadun. Kertas kerja ini membincangkan tentang perkembangan sains, teknologi, hukum dan ekonomi di dunia Islam.

Kata kunci: *sains, teknologi, ekonomi, hukum*

PENDAHULUAN

Dalam setiap agama mesti mempunyai pelbagai sejarah dalam perjalanan untuk sampai ke destinasinya. Begitu juga dengan agama Islam, banyak cara dilakukan untuk mengembangkan agama Islam (Sharif et al. 2012, Saniman, Xuan and Jasmi 2012, Ridzuan et al. 2012, Othman, Walter and Jasmi 2012, Nor et al. 2012). Zaman kegemilangan Islam bermula sejak pada tahun 622 apabila wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasul yang terakhir bernama Muhammad Bin Abdullah di Gua Hiraq, Arab Saudi dan turun ayat pertama diturunkan. Firman Allah SWT:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ حَاقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَأْقِ ۝ أَقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَ ۝ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksud: *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), (1) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, -(3) Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, -(4) Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. (5)*

(Surah *al-'Alaq*: 96:1-5)

Dalam peggembangan Islam, ilmu sains, hukum, seni, teknologi dan ekonomi memainkan peranan penting dalam menerajui kemajuan tamadun berbanding agama lain.

PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI

Perkataan sains dikatakan berasal daripada perkataan Latin, iaitu *scientia* atau juga disebut sebagai ‘ilm dalam bahasa Arab yang memberi maksud ilmu (Jasmi 2012). Menurut English Oxford Dictionary (Dictionary 1998), sains ditakrifkan sebagai suatu cabang ilmu yang mengkaji sekumpulan pernyataan yang terbukti atau dengan fakta yang ditinjau dan disusun secara bersistem dan dihimpun dalam bentuk hukum-hukum umum, dan ia termasuklah kaedah yang boleh dipercayai untuk menghasilkan kebenaran baru kaedah lapangannya sendiri. Sardar Ziauddin (1981) pula menerangkan tentang pengertian sains yang merujuk kepada satu set aktiviti manusia untuk memperolehi ilmu dengan menggunakan metodologi tertentu dan aktiviti ini juga boleh dianggap sebagai satu aktiviti budaya yang secara langsung dibentuk oleh pandangan alam seseorang saintis tersebut. Perkataan teknologi berasal dari perkataan Latin, “*tekne*” yang bermaksud kemahiran atau “*craft*”, iaitu kemahiran manusia yang diperoleh melalui pengetahuan dan kelaziman.

Ilmu Islam ialah ilmu yang sangat luas meliputi segala aspek dan bidang. Ilmu ini mampu membimbing manusia mengenali, menghayati Islam dan sekali gus mendekatkan diri dengan Allah SWT (Jasmi 2016b). Oleh kerana keluasan ilmu ini, ia banyak melahirkan ramai ahli sains yang terkemuka. Islam juga mencorak satu bentuk sains, iaitu satu bentuk yang menyatukan sains objektif dalam pandangan hidup Islam. Ilmu hadis banyak membentuk asas akhlak juga kanun perundungan dalam masyarakat kita. Bahkan, sains juga berperanan penting dalam agama Islam dalam rangka membantu manusai mengenali Allah SWT sebagai pencipta, membantu manusia memahami persoalan tauhid, menegakkan hakikat kebenaran, membentuk sifat tafakkur dan membantu dalam pelaksanaan syariat. Menurut kefahaman sekularisme, skop falsafah ilmu Islam ini sangat berbeza daripada ilmu lain yang bukan berteraskan agama Islam. Hal ini dapat dilihat dari sudut konsepnya

dimana ilmu yang diperolehi dibimbing oleh wahyu dan teguh berpegang kepada prinsip ajaran Allah SWT yang terdapat dalam al-Quran. Berlainan pula dengan ilmu dalam pemikiran Barat yang lebih berasaskan falsafah yang bersifat terbuka dan general. Ilmu ini tidak terikat dengan apa-apa nilai dari mana-mana agama. Hal ini jelas menunjukkan ilmu lain tidak mempunyai asas yang kukuh dan tiada panduan, ia hanya berasaskan hukum logik dan pertimbangan manusia semata-mata.

Ciri sains dan teknologi dalam Islam yang terdapat dalam dunia Islam adalah terdiri dalam tiga ciri, iaitu berteraskan prinsip tauhid, integrasi antara ilmu akal dan ilmu naqal (wahyu), serta sains dan teknologi mengukuhkan keimanan.

Berteraskan Prinsip Tauhid

Seperti yang termaktub dalam kitab suci al-Quran seluruh alam semesta dan makhluk yang terdapat kaedahnya adalah ciptaan Allah SWT. Segala punca, sebab dan asal kewujudan alam semesta termasuk proses sebab-musabab dan segala fenomena yang dicipta dan ditentukan oleh Allah SWT. Hal ini adalah sebagai tanda kebesaran dan keagungan-Nya yang umat manusia wajib mempercayainya serta mengimani-Nya. Sesungguhnya ciptaan Allah SWT itu sangat sempurna dan lengkap dengan sebab musabab, butiran yang terperinci dan system yang sangat efektif (Ismail and Jasmi 2016, Awang 2012, Jasmi and Tamuri 2011, Awang 2007).

Integrasi antara Ilmu Akal dan Ilmu Naqal (Wahyu)

Dalam penerokaan ilmu Islam, bidang sains dan teknologi yang bersifat *al-ulum al-aqliyyah* (ilmu akal) adalah bergerak selari dengan *ulum al-naqliyyah* (ilmu wahyu) dimana segala kejadian alam semesta, kesempurnaan kejadian sesuatu adalah sebagai bukti kebesaran dan keagungan Allah SWT. Setiap ilmu yang dikaji akan menambah keimanan dalam jiwa setiap insan yang menuntut ilmu tersebut.

Sains dan Teknologi Mengukuhkan Keimanan

Sains Islam boleh disifatkan sebagai satu anugerah ilmu yang Allah SWT turunkan kepada umat manusia yang mempunyai pelbagai maklumat tentang kewujudan alam semesta dan segala isinya. Ia tidak lain ialah untuk menyedarkan dan menyakinkan manusia bahawa Allah SWT adalah Pencipta yang maha berkuasa sekali gus merupakan pemelihara alam semesta ini dimana kita manusia tidak dapat menafikannya dengan apa ilmu lain (Jasmi 2016c, Ismail 2008, Fakri 2010, Danusiri 2015).

Semua ilmu sains yang ditemui oleh saintis Barat telahpun tertulis dalam Kitab al-Quran dengan sahih dan tepat. Sebagai contoh, tentang kejadian manusia. kejadian manusia ini tertulis dalam al-Quran dengan cukup jelas dalam surah Al-Mukminun, ayat 12-14 yang berbunyi:

وَلَقَدْ خَلَقْنَا إِلَيْنَاهُ مِنْ سُلَّكَةٍ مِّنْ طِينٍ ﴿١٢﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً
 فِي قَرَارٍ مَّكِينٍ ﴿١٣﴾ ثُمَّ خَلَقْنَا الْنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَالَقَةَ
 مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَلَمًا فَكَسَوْنَا الْعِظَلَمَ لَحْمًا ثُمَّ
 أَنْشَأْنَاهُ خَلْقَاءَ أَخْرَفَتَهُ اللَّهُ أَحَسْنُ الْخَلَقِينَ ﴿١٤﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah; (12) Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh; (13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakanlah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta. (14)*

(Surah al-Mukminun, 23: 12-14)

Melalui penjelasan di atas, jelas menyatakan bahawa manusia perlu memanfaatkan ilmu sains dan teknologi yang berlandaskan Islam sebagai satu pemangkin untuk memantapkan keimanan kepada Allah SWT. Ilmu ini jika dihayati dan diamalkan dengan benar dan sesungguhnya, akan berjaya mendekatkan diri dan jiwa kita kepada pencipta kita yang maha Agung. Manfaat ilmu ini bukan sahaja boleh dikecapi di dunia, malah untuk dinikmati juga hikmahnya di akhirat kelak.

PERKEMBANGAN HUKUM

Al-Quran merupakan kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dimana tertulis dalam mazhab berdasarkan sumber mutawatir yang bersifat sahih kebenarannya (Jasmi 2002, Jasmi 2016a, Jasmi 2018b). al-Quran bolehlah diumpamakan seperti lampu isyarat dalam menjalani lalu lintas kehidupan. Bahkan, dapat dilihat sebagai kitab hukum. Kitab hukum yang dimaksudkan di sini

dalam erti hukum yang universal, bukan kitab undang-undang yang sifatnya sementara. Sebaliknya ia bersifat kekal.

Al-Quran hanya menjelaskan asas hukum, sama ada dalam bentuk isyarat, mahupun secara langsung. Seterusnya, hadis dan sunnah akan memperincikan hukum tersebut dengan lebih jelas dan sempurna. Misalnya, tentang persoalan hukum hamba sahaya yang disebutkan dalam firman Allah SWT:

وَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَن يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ
 الْمُؤْمَنَاتِ فِيمَنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنْ فَتَيَّاتِكُمْ
 الْمُؤْمَنَاتِ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِكُمْ بَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ
 فَإِنْ كِحُوهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَإِنْ تُوهُنَّ أَجُورُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ
 مُحْصَنَاتٍ عَيْرَ مُسَفِّحَاتٍ وَلَا مُتَخَذَاتٍ أَخْدَانٍ فَإِذَا
 أَحْصَنَ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَحْشَةٍ فَعَلَيْهِنَ نِصْفُ مَا عَلَى
 الْمُحْصَنَاتِ مِنْ الْعَذَابِ ذَلِكَ لِمَنْ خِشِيَ الْعَنْتَ مِنْكُمْ
 وَأَن تَصْبِرُوا حَيْثُ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ
 ﴿٢٥﴾

Maksud: *Dan sesiapa antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki. Dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu; kamu masing-masing (suami yang merdeka dan isteri dari hamba - abdi itu) adalah berasal sama (dari Adam, dan seugama pula). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah maskahwinnya menurut yang patut. Mereka (hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan lacur, dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan. Kemudian setelah mereka (hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman)*

seksa yang ditetapkan ke atas perempuan yang merdeka. (Hukum perkahwinan) yang demikian (yang membolehkan seseorang berkahwin dengan hamba perempuan) itu ialah bagi orang yang bimbang melakukan zina antara kamu; dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan hamba perempuan) itu adalah lebih baik bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (25)

(Surah al-Nisa, 4: 25)

Ayat ini menunjukkan bahawa hukuman bagi hamba sahaya adalah separuh dari hukuman orang yang merdeka. Terdapat banyak lagi hukuman dan peraturan yang ditetapkan dalam al-Quran yang kita boleh gunakan sebagai panduan.

Peranan Hakim dalam Institusi Kehakiman

Apabila menyebut tentang hukum, ia semestinya berkait rapat dengan konsep kehakiman dan perundangan dalam sesebuah masyarakat dimana al-Quran memberikan garis panduan yang cukup sempurna untuk dilaksanakan dan diterjemahkan dalam sistem perundangan sesebuah Negara itu. al-Quran menekankan kepentingan seseorang hakim yang dilantik itu bersifat terpuji dan adil. Hal ini kerana tugas sebagai hakim itu dianggap satu tugas yang mulia di sisi Islam. Secara umumnya, matlamat institusi kehakiman ialah untuk menegakkan keadilan tanpa mengira darjat, pangkat, keturunan dan agama. Malah, keadilan yang dianjurkan dalam Islam adalah keadilan sejagat. Jadi, sesiapa yang terbukti bersalah harus dihukum sepertimana firman Allah SWT yang menyebut:

سَمَّاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَلُونَ لِلسُّحْتِ إِنْ جَاءُوكُمْ بِيَقِنَّهُمْ أَوْ أَعْرِضُ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضُ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكُمْ شَيْئاً وَإِنْ حَكَمْتَ فَاحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksud: *Mereka sangat suka mendengar berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu kalau mereka datang kepadamu, maka hukumlah antara mereka (dengan apa yang diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka; dan kalau engkau berpaling dari mereka maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu*

sedikitpun; dan jika engkau menghukum maka hukumlah antara mereka dengan adil; kerana sesungguhnya Allah mengasihai orang yang berlaku adil. (42)

(Surah al-Maidah, 5: 42)

Berdasarkan ayat tersebut, maka seorang hakim harus bersifat **amin**, boleh dipercayai dalam memegang amanah dan **adil** dalam bertindak dan memutus suatu perkara yang dihakiminya. Secara amnya, kriteria yang perlu ada pada seorang hakim adalah:

- (1) Mempunyai akal yang sempurna.
- (2) Beriman dan bertakwa kepada Allah SWT
- (3) Ilmu pengetahuan yang cukup tentang al-Qur'an dan al-Sunnah.
- (4) Bijaksana dan waras fikiran dalam melaksanakan hukuman.
- (5) Berwibawa dan dihormati kerana ketegasannya dan keadilannya.
- (6) Adil dan sabar melaksanakan keputusan berdasarkan hujah dan bukti sahih.

Enam prinsip ini merupakan prinsip penting kriteria hakim dalam sistem kehakiman Islam.

Konsep dan prinsip perundangan dalam Islam

Maslahah dalam perundangan pula terbahagi kepada yang berbentuk tetap seperti maslahah dalam pengharaman terhadap jenayah zina, membunuh dan murtad, dan maslahah yang berubah mengikut kesesuaian keadaan, suasana dan individu seperti hukuman takzir yang dikenakan berbeza berdasarkan adat dan kebiasaan yang berbeza antara satu tempat ke tempat yang lain, penentuan kadar zakat dan mahar yang berbeza antara satu negeri dari negeri yang lain (Al-Buti 1982)

Matlamat asas perundangan Islam adalah untuk memelihara dan menjaga lima perkara dasar dalam kehidupan manusia, iaitu:

- (1) menjaga kesucian Islam (حفظ الدين)
- (2) menjaga nyawa (حفظ الحياة)
- (3) menjaga akal fikiran (حفظ العقل)
- (4) menjaga nasab dan maruah (حفظ النسب)
- (5) menjaga harta benda (حفظ المال)

Perlaksanaan sistem perundangan Islam ini tidak membebankan pengikutnya, malah ia sangat sesuai dipraktikkan sepanjang zaman. Hal ini kerana perlaksanaannya mengambil kira keupayaan dan kemampuan

manusia sepanjang zaman. Ketetapan sesuatu hukum yang dibuat juga adalah bertujuan untuk mendidik pesalah dan masyarakat umum dan bukan untuk menyakiti semata-mata.

Masalah yang membimbangkan pada masa ini adalah penolakan dan penghinaan terhadap hukum hudud menjadi semakin meruncing. Hakikatnya perlaksanaan hukum hudud banyak memberi kesan positif, Hal ini demikian kerana pelaksanaannya bukanlah agenda pertama yang mesti dilaksanakan sebelum pelaksanaan total syariat Islam dalam sistem pemerintahan negara (Jasmi 2017). Syariat Islam lebih mengutamakan pendidikan kemudian barulah diikuti pengawalan dan pencegahan. Namun, tahap pendidikan tersebut tidak wajar berterusan selama-lamanya tetapi mestilah disusuli atau diiringi oleh tahap pengawalan dan pencegahan melalui penguatkuasaan dan pelaksanaan undand-undang seperti hukum hudud. Disamping itu, umat Islam mestilah sedar bahawa mereka menanggung dosa jika mereka menerima atau memilih selain daripada hukum Allah SWT (Din 2013).

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN SISTEM ZAKAT

Konsep pembangunan ekonomi dalam dunia Islam menurut tafsiran kebanyakannya ahli ekonomi Islam ialah memiliki ciri komprehensif, iaitu tidak merangkumi aspek kepelbagaian ekonomi sahaja, bahkan juga meliputi beberapa aspek seperti aspek moral dan sosial, kebendaan dan rohani (Ahmad 1985) Menurut beliau lagi, pertumbuhan ekonomi yang disyariatkan dalam Islam adalah berlandaskan konsep keadilan, iaitu menyamaratakan taraf hidup dalam masyarakat. Konsep ini seperti menyumbang pendapatan dan kekayaan bagi setiap individu pada seluruh masyarakat, menghapuskan amalan riba dan mewajibkan zakat bagi setiap individu. Pendapat lain pula mengatakan bahawa perkembangan ekonomi dalam Islam ini berkait rapat dengan konsep membersihkan dan menyucikan harta dan akidah dalam diri kita.

Konsep ini yang membezakan antara konsep pembangunan ekonomi menurut Islam dengan perkembangan ekonomi kapitalisme dan sosialisme. Menurut Al-Fasi juga, perbezaan konsep ekonomi tersebut adalah lebih kepada dasar sistem kapitalisme yang membolehkan riba dan sistem sosialisme yang cenderung tidak terikat dengan agama (Al-Fâsi 1971). Walaupun ada yang berpendapat ekonomi kapitalisme dan sosialisme ini jauh lebih cepat berkembang, namun dari segi kerohanianya, tiada keuntungan dalam pertumbuhan rohani seseorang individu itu sendiri. Ia juga lebih kepada keuntungan dan kepentingan sendiri tanpa mengambil kira kebajikan masyarakat sekeliling. Sistem ekonomi dalam Islam adalah berasaskan kepada falsafah yang menghubungkan al-tauhid, al-rububiyyah dan al-istikhlas.

Salah satu elemen yang penting dalam sistem ekonomi Islam adalah sistem zakat ia adalah sebagai pemangkin pembangunan ekonomi untuk terus menuju ke arah ekonomi yang lebih stabil, dan negara yang berpendapatan tinggi (Jasmi 2018a).

Peranan sistem zakat ini perlu terus diperkisasakan dalam sesebuah Negara supaya ia dapat memaksimumkan sumbangannya disamping dapat menyebarkan manfaatnya disetiap lapisan masyarakat. Kutipan dan pengagihan zakat secara berkesan dilaksanakan di mana ia sampai kepada kumpulan sasaran asnaf yang lapan tanpa berlaku sebarang ketirisan. Namun, masih terdapat kelemahan tertentu yang menyebabkan faedah zakat ini tidak dapat diterjemahkan dengan cemerlang.

Dengan mengambil sistem ekonomi pada zaman sahabat Rasulullah SAW dahulu sebagai panduan dan rujukan, negara Malaysia membuat sedikit transformasi mengikut kesesuaian zaman sekarang. Antara transformasi yang dan akan dilaksanakan adalah mengkaji aspek pengurusan zakat yang menitik beratkan profesion amil yang bertauliah serta profesional bagi menyediakan pengurusan dan perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti. Selain itu, kajian juga dibuat dalam aspek lokalisasi pengagihan zakat dimana kutipan zakat ini harus diagihkan (decentralized) dengan merangkumi semua peringkat daerah dan mukim kerana peringkat ini lebih hampir kepada golongan asnaf. Hal ini kerana system pengagihan secara berpusat (centralized) yang diamalkan sekarang didapati kurang berkesan.

Di sini, kita boleh lihat kemampuan system zakat dalam sesebuah institusi dalam membangunkan ekonomi setempat dimana ia sangat baik dan menguntungkan umat Islam. Atas rasional ini, system zakat terus diberi penekanan dan nafas baru bagi memastikan ia terus cemerlang dalam memajukan ekonomi Islam serta mampu membuka mata masyarakat luar tentang kehebatan system ekonomi Islam yang disyariatkan oleh Allah SWT.

Setelah mengupas isu ini, boleh disimpulkan bahawa unsur yang paling penting bagi memajukan ekonomi dalam Islam ini ialah unsur kemanusiaan disamping unsur yang bersifat komprehensif dan bersepadu juga turut diterapkan. Pembangunan ekonomi Islam turut mengambil kira aspek akhlak, kerohanian dan fizikal, ekonomi dan sosial. Islam menentang sama sekali kekufuran dan kezaliman, dan sebaliknya menerapkan nilai murni, iaitu kesyukuran dan keadilan. (Hasan 1993)

Oleh kerana pertumbuhan ekonomi berkait rapat dengan soal pemberian taraf hidup, maka faktor ekonomi tidak dapat dipisahkan dengan aspek menaiktaraf kehidupan masyarakat berpendapatan rendah kerana ia mempengaruhi secara langsung pembangunan sosial. Segala

persoalan tentang isu kemiskinan, keperluan hidup manusia seperti sumber makanan yang mencukupi dan memenuhi zat yang diperlukan, keupayaan untuk mendapat tempat perlindungan, peluang pekerjaan untuk menyara keluarga, keperluan anak ke sekolah, kebersihan alam sekitar dan lain-lain isu sosial yang berkaitan dengan suasana hidup yang sempurna (Nor Aini 1996)

RUMUSAN

Islam boleh disifatkan sebagai kekuatan kebudayaan dalam merealisasikan kebangkitan ilmu sains, hukum, teknologi, dan ekonomi. Hingga saat ini, perkembangan tersebut masih tetap agung, meskipun budaya barat jauh meninggalkan jejaknya.

Bagi generasi sekarang, keagungan peradaban Islam bukan sekadar mitos atau cerita kosong, tapi perlu pelihara dan perlu dikembangkan sedaya upaya agar para muslim perlu bangkit dan mencari rahsia keagungan alam yang tuhan ciptakan untuk dikembangkan oleh manusia. Ilmu dan khazanah tamadun Islam perlu tetap dipelihara agar dapat menjadi rujukan dan panduan dimasa hadapan.

RUJUKAN

- Ahmad, K. 1985. *Al-Tanmiyah al-iqtisodiyah fi ithorin islamiyin*. In *Abbas al-Iqtisod al-Islami*. TTP: TP.
- Al-Buti, S. i. R. 1982. *Dawabi‘ al-Maslalah fi al-Islam*. TTP: Mu’assasat al-Risalah.
- Al-Fâsi, a.-S. A. 1971. *al-Islâm wa mutatollabât al-tanmiyah fi mujtama’ al-yaum*. TP: TTP.
- Awang, A. H. 2007. *Akidah Muslim*. Batu Caves, Selangor: PTS Islamika / PTS Publications & Distributors.
- Awang, R. 2012. *Akidah dalam Kehidupan Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Danusiri, D. (2015) Islam: Membentuk Sains dan Teknologi. *Jurnal Theologia*, 26, 31.
- Dictionary, O. 1998. *Oxford Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Din, D. D. H. 2013. *Hukum Hudud Dalam Perundangan Islam*. TTP: PSN Publication.
- Fakri, J. (2010) Sains dan Teknologi dalam al-Qur'an dan Implikasinya dalam Pembelajaran. *Ta'dib*, XV.
- Hasan, S. K. 1993. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, A. A. 2008. *Beberapa Aspek Sains dan Teknologi dalam Islam*. UiTM, Shah Alam: Penerbitan Universiti (UPENA).
- Ismail, A. M. & K. A. Jasmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.

- Jasmi, K. A. 2002. Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. In *Civilization Studies, Faculty of Art*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- . 2012. Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial. In *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1-11. Puteri Resort Melaka: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- . 2016a. Al-Quran. In *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, ed. K. A. Jasmi, 134-135. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- . 2016b. Ilmu. In *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, ed. A. K. Jasmi. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- . 2016c. Pendidikan sebagai Medium Penerapan Islam dalam Sains dan Teknologi. In *Persidangan Islam dalam Sains dan Teknologi 2016 (PIST'16)*. Dewan Senat, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor: Kolej Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia.
- . 2017. Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. In *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*, ed. K. A. Jasmi, 15-34. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- (2018a) Karelkter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4, 1-22.
- . 2018b. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, K. A. & A. H. Tamuri. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Penerbit UTM.
- Nor Aini, H. I. e. a. 1996. *Wanita Malaysia Dalam Era Pembangunan Industri*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia: TP.
- Nor, M., F. Aiman, M. Syahmi & K. A. Jasmi. 2012. *Islam di Dunia Kontemporari Baru*. Seminar Tamadun.
- Othman, S. N., A. S. Walter & K. A. Jasmi. 2012. Zaman Kegemilangan Islam. In *Seminar Tamadun 2012*, 333-348. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ridzuan, A., M. F. Mior, S. A. Aziz, S. M. Khairudeen & K. A. Jasmi. 2012. Islam Sebagai Satu Agama. In *Seminar Tamadun 2012*, 163-173. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Saniman, M. A., T. H. Xuan & K. A. Jasmi. 2012. Peringkat Permulaan Islam. In *Seminar Tamadun 2012*, 283-298. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharif, M., S. Aspalaili, L. I. Wei & K. A. Jasmi. 2012. Sejarah Ringkas Islam. In *Seminar Tamadun 2012*, 229-246. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ziauddin, S. 1981. *Sains, Teknologi dan Pembangunan Didunia Islam*. Kuala Lumpur: Syarikat Dian sdn.Bhd.

